

Tak mustahil orang Melayu berniaga — Mahathir

KUALA LUMPUR, Ahad — Penglibatan orang-orang Melayu dalam industri dan perniagaan secara besar-besaran bukan satu misteri atau perkara yang mustahil, tegas Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, hari ini.

Sebaliknya, kata Perdana Menteri, tindakan itu adalah satu langkah berani berlandaskan sikap ingin maju dan sanggup bekerja keras.

"Saya memuji sikap setengah orang Melayu yang sanggup melibatkan diri dalam perniagaan besar-besaran tanpa terlalu bergantung makan gaji dengan kerajaan," jelas beliau lagi.

Perdana Menteri menegaskan demikian ketika merasmikan Mesyuarat Agung Ke-4 Koperasi Usaha Bersatu Malaysia Berhad (KUUB), di sini.

Hadir sama ialah Tim-

balan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam, Menteri-menteri Kabinet, Menteri-menteri Besar dan Ketua Menteri serta tokoh-tokoh politik dari UMNO.

Datuk Seri Dr. Mahathir menjelaskan, orang-orang Melayu kini mampu mengendalikan perusahaan besar walaupun rumit dan memerlukan pengurusan yang cekap.

"Perkara ini dulu adalah asing bagi orang-orang Melayu, malah kita kadang-kadang tercengang melihat kejayaan orang-orang asing mengendalikan perusahaan besar-besaran di bidang perladangan, sektor pembuatan dan import-eksport," tegasnya.

Edaran masa, kata Perdana Menteri telah membuktikan bahawa orang-orang Melayu ada

Muka 7 Ruang 3

DARI MUKA 1

yang sanggup berhenti kerja dengan kerajaan untuk membuka perusahaan sendiri atau berkhidmat di sektor swasta.

"Saya sedih kehilangan pegawai-pegawai Melayu kerajaan, tapi sebaliknya saya bangga kerana mereka sanggup menghadapi cabaran bekerja sendiri atau disektor lain yang lebih mencabar," ujarnya.

Mengenai Koop Bersatu pula, Datuk Seri Dr. Mahathir kesal kerana keahliannya terlalu sedikit berbanding jumlah ahli UMNO di seluruh negara.

"Dari sejumlah 872,798 ahli UMNO yang berdaftar sehingga akhir bulan lalu, hanya 39,427 orang atau 4.51 peratus saja yang menjadi ahli koperasi.

"Bilangan ini terlalu kecil dan cukup mendukacitakan. Usaha menambatkan ahli baru perlu dipergiatkan," jelasnya.

Beliau telah berunding dengan Timbalannya, Datuk Musa Hitam untuk memikirkan cara-cara yang lebih berkesan menambahkan bilangan ahli koperasi.

"Jika ahli bertambah bermakna modal koperasi bertambah, bila modal kian banyak, keuntungan juga meningkat," jelasnya.